

# NTU tubuh institut kaji kesan AI

APAKAH makna menjadi manusia dalam abad ke-21 ini dan bagaimanakah kita boleh mengelakkan pembangunan pesat teknologi dan kecerdasan buatan (AI) daripada melakukan lebih banyak keburukan daripada kebaikan?

Itulah antara soalan yang dikemukakan semasa pelancaran institut baru untuk mengkaji kesan teknologi terhadap masyarakat dan menangani kebimbangan berhubung isu seperti penggantian pekerjaan dan perlindungan data di Universiti Teknologi Nanyang

(NTU) kelmarin, menurut akhbar *The Straits Times*.

Institut Sains dan Teknologi bagi Kemanusiaan NTU akan menghimpunkan golongan akademik dan pengkaji pelbagai bidang seperti robotik, linguistik, sains sistem saraf dan rekaan serta kakitangan pemerintah dan industri bagi membimbing pembangunan teknologi demi kebaikan manusia.

Institut itu akan bermula dengan memberi tumpuan kepada tiga bidang, iaitu kesan etika inovasi, pengurusan penggunaan teknologi dan isu berkaitan

kepimpinan serta bagaimana teknologi merubah landskap bandar di Asia.

Timbalan Perdana Menteri Tharman Shanmugaratnam berkata dalam ucapannya semasa pelancaran bahawa sedang manfaat inovasi teknologi semakin meluas, lebih banyak usaha perlu disalurkan terhadap potensi keburukan.

“Kita perlu berfikir tentang kesan etika inovasi dalam sains dan teknologi terlebih dulu dan menyertakannya dalam rekaan huraian,” katanya, kepada sekitar 900 anggota fakulti, pelajar dan tetamu.